

Pastikan mereka yang anti UMNO tak  
meresap dalam parti

# Pindaan bukan untuk 'meragut' kuasa — PM

**K**UALA LUMPUR 29 Sept. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menjelaskan pindaan perlembagaan UMNO mengenai permohonan menjadi ahli tidak bertujuan untuk 'meragut' kuasa memilih dari ketua-ketua cawangan tetapi adalah untuk memastikan mereka yang anti UMNO tidak meresap ke dalam parti.

Presiden UMNO itu berkata, dari pengalaman yang lampau, hakikat telah membuktikan bahawa terdapat orang-orang yang menjadi ahli UMNO menerusi cawangan-cawangan telah menimbul-

kan masalah dengan mempengaruhi ahli-ahli yang lain supaya menentang UMNO.

"Kita bimbang ada orang yang bencikan UMNO menyertai parti ini untuk sesuatu tujuan memandangkan dalam kepesatan dan jumlah ahli-ahli yang semakin meningkat, kita tidak tahu niat orang-orang yang ingin menyertai UMNO," tegas beliau.

Menyedari hakikat inilah, tambah beliau, pindaan ke atas fasal itu dirasakan perlu dan ia sama sekali tidak bertujuan untuk 'meragut' kuasa ketua-cawangan.

UM 30 SEP 1985

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata demikian apabila seorang anggota perwakilan mendakwa bahawa pindaan ke atas fasal tersebut akan 'meragut' kuasa ketua-ketua cawangan dalam meluluskan permohonan seseorang ahli.

Fasal tersebut berbunyi 'jawatankuasa bahagian hendaklah menimbang segala permohonan untuk menjadi ahli biasa dan memutuskan sama ada diterima atau ditolak dalam tempoh tidak lewat daripada enam puluh hari. Majlis Tertinggi berkuasa meluluskan permohonan itu jika jawatankuasa bahagian tidak menunaikan

kewajipannya itu."

Perdana Menteri berkata, peristiwa-peristiwa yang berlaku di beberapa negeri, khususnya di cawangan-cawangan UMNO yang menimbulkan masalah kepada parti perlu dijadikan pengajaran supaya UMNO tidak dire-sapi oleh golongan yang anti parti.

Jelas beliau, banyak masjid yang imamnya ditauliahkan oleh kerajaan tetapi dengan cara yang halus diresapi oleh orang-orang yang mempunyai matlamat tertentu dalam pengurusan masjid.

Apabila ini berlaku, tambah beliau, masjid ter-

sebut akhirnya akan dikuasai oleh orang-orang yang anti kerajaan dan adalah sukar pentadbiran masjid tersebut dapat dikuasai oleh kerajaan semula.

Beliau berkata, kekuatan UMNO adalah dari peringkat bawah dan terdapat kemungkinan ada cawangan-cawangan yang ditubuhkan adalah mirip kepada parti lawan.

Tegas beliau, terdapat juga ketua-ketua cawangan UMNO yang menubuhkan cawangan untuk mengambil ahli-ahli yang menentang kerajaan dan jika perkara ini tidak diawasi, UMNO akan mudah diresapi oleh golongan ini.